

26 MAR 1998
Parlimen-Bahas
WAKIL MEDIA DICADANG ANGGOTAI MTEN

KUALA LUMPUR, 26 Mac (Bernama) -- Seorang penyokong kerajaan mencadangkan supaya wakil media dilantik menganggotai Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) memandangkan golongan itu turut berusaha membantu meyakinkan rakyat tentang usaha kerajaan memulihkan ekonomi negara.

Ruhanie Haji Ahmad (BN-Parit Sulong) berkata media massa tempatan perlulah dibawa berunding dalam usaha mewujudkan satu strategi khusus mengenai pemberitaan dalam konteks mengatasi krisis ekonomi sekarang.

"Media massa perlu diberi garis panduan khusus (dalam konteks penulisan berita) dalam menangani masalah ekonomi sekarang," katanya ketika membahaskan usul terima kasih atas titah ucapan Yang di-Pertuan Agong di Dewan Rakyat.

Beliau berkata tokoh-tokoh media massa seperti Tan Sri A. Samad Ismail, Datuk Kadir Jasin, Datuk Nazri Abdullah, Datuk Johan Jaaffar, Senator Datuk Zainuddin Maidin dan wakil media dari akhbar Cina dan Tamil, perlu dipertimbangkan secara serius untuk menduduki salah satu kerusi dalam MTEN.

MTEN mempunyai 24 anggota dan diketuai oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi. Ia ditubuhkan sebagai sebuah badan perunding dan penasihat kepada Jemaah Menteri mengenai cara-cara untuk menangani dan mengatasi masalah ekonomi negara.

Ruhanie berkata usaha melantik wakil media menganggotai MTEN boleh mengelakkan penyiaran berita-berita yang mengandungi unsur-unsur negatif terhadap ketenteraman awam, perpaduan nasional ataupun membina keyakinan di negara ini.

"Di dalam krisis, janganlah ada pihak yang berkecuali atau dikecualikan," katanya.

Mengenai usaha kerajaan "menyelamatkan" beberapa syarikat swasta yang dirundung masalah akibat kegawatan ekonomi, beliau berkata pembelaan itu adalah wajar kerana itu adalah sebahagian daripada tuntutan obligasi moral yang tersirat di sebalik Dasar Persyarikatan Malaysia.

"Pembelaan itu juga pastinya dilakukan atas lunas-lunas kenegaraan dan kebanggaan nasional yang murni," katanya.

Ruhanie turut mencadangkan supaya Kementerian Penerangan mengawasi rancangan-rancangan yang disiarkan oleh radio dan televisyen swasta.

Dalam rancangan Astro, misalnya, kata beliau, terdapat sebuah rancangan drama Melayu bersiri bertajuk "Idaman" yang mengisahkan perjalanan hidup sekelompok orang Melayu yang tidak menitikberatkan aspek-aspek agama Islam dan budaya Melayu.

"Bagaimanakah sebuah drama berbahasa Melayu yang memaparkan kisah hidup orang Islam yang tidak memahami hukum Islam," tegasnya.

Sementara itu, Haji Abdul Hadi Awang (PAS-Marang) yang menyambung perbahasannya semalam meminta kerajaan memberi penjelasan mengenai kejadian rusuhan di kem tahanan pendatang asing tanpa izin Semenyih, Kajang, awal hari ini.

"Siasatan yang dibuat haruslah diberitahu kepada umum," tegasnya.

Seorang lagi anggota pembangkang yang turut membahas, Haji Mohamad Sabu (PAS-Kubang Kerian) memuji tindakan pihak berkuasa dalam menangani isu keselamatan negara terutamanya pendatang asing serta pemalsuan kad pengenalan dan pasport.

Mohamad Sabu juga meminta kerajaan memberi kuasa pendakwaan kepada para pegawai Badan Pencegah Rasuah (BPR) dalam usaha membanteras perbuatan rasuah tanpa mengira pangkat serta kedudukan seseorang.

Beliau mendakwa kuasa untuk hanya menyiasat dan menyediakan fail
pertuduhan berdasarkan maklumat yang diperolehi menyebabkan ramai di
kalangan pegawai BPR kecewa dan tidak bersemangat untuk menjalankan tugas.
Persidangan dewan disambung Isnin ini. -- Bernama
AKT oba